



**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU
SESI NOVEMBER 2022
KOLEJ POLY-TECH MARA BANGI**

PENDAFTARAN

1) Saya telah memohon masuk ke Kolej Poly-Tech MARA Bangi. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya ingin menerima tawaran tersebut?

Terdapat empat (4) langkah mudah bagi bakal pelajar untuk melengkapkan proses pendaftaran:

- Semakan status permohonan kemasukan di laman web **www.kptm.edu.my > Pelawat > Semakan Permohonan** atau <http://application.kptm.edu.my/admission/>. Login, cetak dan semak Surat Tawaran di Modul 'Review' bagi program dan cawangan KPTM yang ditawarkan.
- Menyemak dan mengemaskini maklumat penjaga di Portal Permohonan Pelajar <https://eadmission.kptm.edu.my/> > **Guardian**
- Pembayaran boleh dibuat setelah maklumat penjaga diisi. Membuat bayaran yuran pengesahan dan yuran pendaftaran **RM350** atas talian. <https://eadmission.kptm.edu.my/> > **Payment**
- Membuat pengesahan mendaftar secara atas talian(online) pada **22 – 23 November 2022** seperti yang ditetapkan oleh KPTM (Rujuk FAQ Soalan 2). Rujuk jawapan kepada soalan (2).

2) Saya telah dimaklumkan oleh pihak kolej bahawa kaedah pendaftaran pelajar baharu dilaksanakan secara online. Bagaimanakah proses pendaftaran tersebut?

(i) Mendaftar secara atas talian di Sistem Eregister (22 - 23 November 2022)

Langkah-langkah untuk melapor diri :

- Pelajar baharu yang telah membuat bayaran RM350 perlu akses ke laman web <https://eregister.kptm.edu.my/> → **STUDENT LOGIN**
- Login dengan **No. MyKAD** dan Password : **No. Rujukan Surat Tawaran**
- Klik **GO TO ENROLMENT PAGE**.
- Pelajar **WAJIB** memasukkan '**Nickname**' serta **mengemaskini nombor telefon** dan **alamat emel peribadi**. Seterusnya klik **UPDATE**. PASTIKAN nombor telefon dan alamat emel adalah sah dan boleh dicapai, makluman ID pelajar dan panduan tindakan pelajar baharu akan disalurkan ke emel yang didaftarkan sebelum 26 November 2022. Mohon buat semakan di kedua-dua emel sekiranya pelajar menukar alamat emel di eregister.
- Seterusnya, pelajar perlu **memuatnaik MyKAD asal (wajib)** dan mukasurat penuh **sijil/slip SPM asal (wajib)**. Klik '**Submit**'. Semak dan pastikan dokumen berjaya dimuatnaik dan boleh dibaca sepenuhnya. Selesai.

Pihak pendaftaran KPTM Bangi akan emel ke semua bagi tujuan semakan Kesahihan emel Pelajar baharu dan pelajar diminta masuk group telegram dengan link yang diberi. Mohon whatsapp ke 012-6773833 (Madam Goh) sekiranya masih belum terima makluman emel ini selewatnya 26 November 2022, khasnya mereka yang telah membuat pengesahan.

(ii) Mendaftar masuk ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP)

Semua pelajar baharu adalah **DIWAJIBKAN** Login ke **Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP)** di pautan **SPMP** seperti di bawah pada 24 - 25 November 2022. Mendaftar masuk ke sistem SPMP dilakukan setelah pelajar menerima makluman pengaktifan **SPMP** oleh pihak kolej melalui emel peribadi pelajar yang didaftarkan.

Pautan SPMP : <http://smpbg.kptm.edu.my/portal/login.asp>
Username : No Matrik (BGN22*****)
Password : No KP (tanpa '-')

***(Catatan : No.ID/Matrik pelajar akan DIMAKLUMKAN kepada pelajar pada 25 NOVEMBER 2022 melalui emel peribadi pelajar yang didaftarkan. Mohon semak kedua-dua emel yang didaftarkan sekiranya menukar emel peribadi di eregister)**

Pelajar dikehendaki **menukar password** bagi membuktikan pelajar telah berjaya mendaftar sebagai pelajar KPTM untuk **SESI NOVEMBER 2022**. Pelajar akan memperolehi email rasmi KPTM (**BGN22XXXXXX@student.kptm.edu.my**) sebelum kuliah bermula.

3) Dokumen apakah yang diperlukan bagi melengkapkan proses pendaftaran?

Semua pelajar baharu perlu memuatnaik dokumen yang diperlukan (lengkap dan jelas) di SPMP kolej bermula **28 - 30 November 2022**. *Scan/Screenshot* dokumen yang diperlukan adalah seperti senarai berikut:

- 1) Muka Depan dan Muka belakang MyKAD Original (**wajib**)
- 2) Slip Keputusan SPM/ Sijil SPM/ Sijil yang berkaitan (**wajib**)
- 3) Slip bayaran yuran RM350 (**wajib**)
- 4) *Polisi pematuhan yuran (**wajib**)
- 5) *Borang Perakuan Pembiayaan (**wajib**)
- 6) Slip No akaun bank pelajar / Muka depan bukan akaun bank pelajar (*Mempunyai paparan Nama, No.K/P dan nombor akaun*) (**wajib**)

Bagi item 4-5, borang boleh didapati di **Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu (ms 30-31)**

4) Bilakah tarikh saya melapor diri atau mendaftar masuk di asrama?

Tarikh melapor diri di asrama ialah pada **26 November 2022** mengikut program yang akan ditetapkan. Info berkenaan ini akan diwar-warkan di laman web dan facebook rasmi KPTM Bangi.

5) Bolehkah saya mendaftar sedangkan saya tidak mengesahkan penerimaan tawaran pada tarikh yang ditetapkan seperti yang dikehendaki dalam surat tawaran.

Pendaftaran tanpa pengesahan penerimaan tawaran tertakluk kepada kekosongan dan budi bicara pihak pengurusan kolej.

6) Bolehkah saya mendaftar jika kelayakan sebenar saya tidak memenuhi syarat kemasukan?

TIDAK BOLEH. Tawaran dengan sendirinya akan terbatal sekiranya anda tidak menepati syarat kemasukan ke KPTM.

7) Dokumen Set 1 saya masih ada yang tidak lengkap dan saya belum menjalani pemeriksaan kesihatan. Bolehkah saya mendaftar sebagai pelajar?

Boleh. Tetapi anda perlu melengkapkan segala keperluan dokumen dan menyerahkan kepada pihak kolej.

Tarikh akhir penyerahan dokumen Set 1 ke kaunter Sektor Pendaftaran & Rekod Statistik KPTM Bangi selewat-lewatnya pada 30 Disember 2022.

Jika ada masalah dan kemusykilan untuk mengisi borang-borang dalam SET 1, boleh hubungi nombor telefon berikut:

- 012-6773833 (Mdm Goh Koy Lee)
- 013-3945900 (Pn Ernie)
- 019-9000470 (Pn Adibah)

8) Bolehkah saya membuat pertukaran program atau kolej sebelum melapor diri?

Boleh. Pelajar boleh membuat rayuan di portal semakan permohonan. Pertukaran ini hanya dibenarkan dan tertakluk kepada syarat kelayakan dan kekosongan untuk program tersebut, serta atas kelulusan pihak KPTM Sdn Bhd.

KULIAH

1) Bilakah sesi kuliah akan bermula?

Sesi kuliah secara atas bersemuka (face to face) akan bermula pada **28 November 2022 (Isnin)**.

2) Berapakah tempoh masa pengajian bagi mengikuti diploma di KPTM Bangi?

Tempoh pengajian bagi mengikuti program diploma di KPTM Bangi adalah selama **2 tahun 4 bulan**.

3) Bagaimanakah proses pelaksanaan kuliah?

Pelaksanaan kuliah secara bersemuka.

4) Bagaimanakah dengan pendaftaran kursus yang perlu saya ikuti sepanjang tempoh pengajian saya?

Bagi pelajar baharu, pendaftaran kursus akan diuruskan sepenuhnya oleh pihak akademik kolej. Bagi pelajar kanan/lama, pelajar perlu membuat pra-pendaftaran kursus.

5) Apakah keperluan lain untuk mengikuti kuliah seperti pembelian buku rujukan dan lain-lain?

Keperluan buku / modul bergantung sepenuhnya kepada pensyarah kursus. Pelajar boleh merujuk kepada pensyarah kursus masing-masing semasa sesi kuliah bermula.

6) Bagaimanakah penyaluran maklumat berkenaan jadual kuliah dan juga peraturan-peraturan akademik kolej?

Pelajar boleh mengakses jadual kuliah dan Buku Peraturan Akademik tersebut bagi tujuan rujukan dan panduan yang akan dimuatnaik di website KPTM Bangi.

Link akses ke jadual kelas: <https://ttkptmbangi.edupage.org/timetable/>

Contoh Rujukan Jadual kelas bagi Pelajar program AA101: AA1.11 atau AA1.12

Di mana:

- a. 2 huruf pertama ambil dari Kod Program : Program AA101/AB101/AB108/AF101/BS101/AA001
- b. Nombor ketiga merujuk kepada semester 1
- c. 2 nombor yang terakhir merujuk kepada seksyen yang dicatat di kursus daftar (nombor yang paling kerap)

Maklumat lanjut berkenaan jadual kelas akan diberi semasa taklimat akademik pada **27 NOVEMBER 2022**.